



TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SERI TPr. (DR) MAIMUNAH BINTI MOHD

SERIE

DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

SEMPENA DENGAN

PERHIMPUNAN BULANAN DBKL

BULAN SEPTEMBER 2024

4 SEPTEMBER 2024 | 9.00 AM | AUDITORIUM DBKL

Bismillahirrahmanirrahim.

(SALUTASI)

**YBrs. Encik Ismadi bin Sakirin,
Pengarah Eksekutif (Pembangunan Sosioekonomi),**

**YBhg. Datuk TPr. Zulkurnain bin Hassan
Pengarah Eksekutif (Perancangan),**

**YBrs. Tuan Haji Mohamad bin Hamim
Pengarah Eksekutif (Pengurusan Projek)**

**Ketua-Ketua Jabatan;
Pegawai-Pegawai Kanan;
Wakil-wakil Kesatuan Sekerja;
Seterusnya Warga Kerja Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
yang dihormati sekalian.**

**Assalamualaikum W.B.T, Salam Sejahtera dan
Salam Malaysia Madani.**

1.0 Pertama sekali, syukur Alhamdulillah saya panjatnya ke hadrat Ilahi atas limpah kurniaNya, kita semua dapat berkumpul dalam majlis yang penuh bermakna pada pagi ini. Buat julung-julung kalinya saya berpeluang menyertai perhimpunan bulanan DBKL, saya ingin menzahirkan rasa penghargaan kepada semua warga DBKL yang telah memberi sokongan yang padu semenjak tanggal 15 Ogos apabila saya diberi kepercayaan untuk menjadi nakhoda di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Hadirin yang dihormati,

2.0 Saya berasa amat bersyukur di atas limpah perkenan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia, Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agung ke-17 dan YAB Perdana Menteri, atas kepercayaan untuk saya dilantik sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur yang ke-15. Pelantikan ini bukan sahaja satu penghormatan tetapi juga satu tanggungjawab dan amanah yang amat besar untuk menerajui DBKL dan bandar raya Kuala Lumpur, ibu negara Malaysia.

3.0 Semenjak pelantikan saya sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur, kita semua telah melalui beberapa cabaran dan dugaan seperti bencana banjir, tanah runtuh dan kejadian tanah jerlus di Jalan Masjid India. Apabila mengetuai organisasi yang berperanan sebagai pengurus dan pentadbir ibu negara Malaysia, saya haruslah sentiasa bersedia dari segi fizikal dan mental untuk berhadapan dengan apa-apa jua kemungkinan. Namun apa yang memudahkan pelaksanaan tanggungjawab sebagai Datuk Bandar ialah sokongan padu daripada warga DBKL. Dari hati saya yang dalam, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan kerana bertungkus lumus untuk memastikan Kuala Lumpur sentiasa bersiap-sedia untuk menghadapi apa-apa cabaran dan berfungsi secara efisien setiap hari.

Hadirin yang dihormati,

4.0 Sebagai warga DBKL marilah kita mengamalkan konsep '*servant leader*' kerana kita semua mempunyai peranan dan tanggungjawab yang amat penting. Konsep *servant leader* ini tidak asing daripada adat budaya tanah air yang disanjung, bak resmi padi, semakin berisi semakin menunduk. Sebagai kakitangan kerajaan kita harus berkhidmat secara profesional tanpa mengira kaum, agama atau pegangang politik. Kita berkhidmat untuk kerajaan yang memerintah (*government of the day*) kerana kita berkorban masa dan keringat untuk semua rakyat Malaysia, kita merupakan benteng negara yang kekal berdiri teguh memastikan pentadbiran dan pengurusan negara terus berjalan.

5.0 Pada pagi yang mulia ini, saya ingin berkongsi misi dan visi saya sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur yang sejajar dengan amanat yang dikongsi oleh Perdana Menteri. Banyak orang beranggapan saya berasal dari Pulau Pinang kerana saya sudah sehati dengan Penang. Namun, saya sebenarnya berasal dari Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Dibesarkan sebagai seorang anak penoreh getah, ayah dan ibu tidak mampu menampung perbelanjaan pembelajaran kesemua adik beradik saya. Oleh sebab itu, Almarhum abang saya terpaksa berhijarah ke Kuala Lumpur untuk mencari kerja pada umur yang sangat muda. Dengan peluang yang cerah dan sikap komuniti Kuala Lumpur yang sangat membantu, Almarhum abang saya berjaya mencari kerja dan dapat menolong meringankan beban keluarga. Atas keringat dan usaha keluarga, saya mendapat peluang untuk meneruskan pelajaran saya dan membina hidup yang lebih baik. Oleh sebab itu, seluruh misi hidup saya ini berpaksi kepada persoalan: "*Ask not what your country can do for you but what you can do for your country*"

6.0 Setelah lebih 39 tahun saya berkhidmat sebagai pegawai kerajaan dan 6 tahun sebagai *international civil servant* di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), saya amat sedar bahawa cara terbaik untuk berkhidmat demi negara adalah dengan

melaksanakan tugas dan amanat dengan dengan jujur, beramanah dan berhemah. Sehubungan itu, saya menyeru dan berharap agar tuan/puan sentiasa memberikan sokongan, dokongan dan kerjasama kepada saya untuk meningkatkan nama baik negara melalui peningkatan kualiti hidup kita semua di Bandar Raya Kuala Lumpur.

Hadirin yang dihormati,

7.0 Perdana Menteri dalam ucapannya pada 2 September 2024 memaklumkan masih terdapat agensi dan jabatan masih belum melaksanakan tugas di peringkat yang memuaskan. Laporan dari Ketua Jabatan berkenaan kelembapan dan kecuaiian pegawai dan kakitangan masih kurang memuaskan. Justeru, saya menyeru supaya Ketua Jabatan lebih proaktif dalam melaporkan dan membuat pemantauan terhadap semua kakitangan di bawah seliaan masing-masing.

8.0 Walau apapun latar belakang hadirin sekalian, kita harus meletakkan ‘Amanah’ yang diberikan kepada kita sebagai kakitangan kerajaan itu amat penting sekali. Sekiranya berlaku kesilapan dan kecuaiian akibat segelintir pihak akan menyebabkan nama DBKL secara keseluruhan turut terpalit bak kata pepatah, kerana nila setitik, rosak susu sebelanga. Kita harus sedar bahawa DBKL kini menghadapi cabaran reputasi yang amat besar. Segala kebaikan yang kita lakukan rosak kerana berita sensasi yang kita sendiri lakukan. Apabila kita cuai, apabila kita menjauh daripada membantu (*frustrate instead of facilitate*), apabila kita kritik tanpa memberi penyelesaian, ini bermakna kita tidak telus sebagai kakitangan awam.

9.0 Sebagai langkah pertama untuk meningkatkan reputasi DBKL, saya memerlukan sokongan daripada semua warga DBKL untuk melaksanakan pentadbiran **CATEE**, iaitu **Compentent, Accountable, Transparent, Effective and Efficient Governance**. Kita akan melaksanakan proses *Governance Reform* bersama-sama dengan semua jabatan. Saya percaya dengan tenaga kerja kita yang mencecah hampir 9,000 orang, kita

akan berjaya melaksanakan islah atau pembaharuan bagi mempertingkatkan produktiviti dan perkhidmatan kita. Saya tidak mahu kita bergerak bersendirin, mengamalkan (*silo mentality*). Kita mesti bergerak sebagai satu pasukan, dengan satu matlamat dan setiap langkah kita mesti diiringi dengan komunikasi berkesan dan koordiuasi yang teratur. Saya mahu DBKL terus memperhebatkan pensijilan kualiti yang diterima di samping yang sedia ada bagi memartabatkan operasi dan akauntabiliti kita mengikut piawaian yang tepat. Kita perlu mengambil Vitamin P = Passion dalam menjalankan Kerja.

10.0 Aspirasi saya ialah DBKL mendapat pengiktirafan bersih daripada *Transparency International*. Saya telah mengarahkan semua pejabat serta pegawai-pegawai yang bertanggungjawab untuk memastikan semua cadangan daripada pihak Jabatan Audit Negara dilaksanakan dengan sempurna. Amat penting sekali kita menghindari perangai ‘menjadi gergaji dua mata’. Jangan kita menjadi seperti cencaru makan petang! Inilah amanat yang saya terima daripada Almarhum ayahanda saya apabila mula memikul tanggungjawab sebagai pegawai kerajaan. Oleh itu, kita semua harus memberikan kerjasama yang padu kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia serta Jabatan Audit Negara dalam usaha-usaha untuk memurnikan nama baik DBKL.

Hadirin yang dihormati,

11.0 Sebagai mantan Under-Secretary-General dan Pengarah Executive United Nations Human Settlements Programme, saya pernah menerajui program UN yang aktif di 93 buah negara kerana UN-Habitat mempunyai pejabat di 93 buah negara dengan pelbagai projek di 1,600 bandar di seluruh pelusuk dunia. Kita rakyat Malaysia boleh berbangga dengan pencapaian kita semenjak kita mencapai kemerdekaan. Disebabkan kita mengamalkan ‘*plan-led*’ dan ‘*integrated*’ urban development, kini bandar-bandar kita secara keseluruhannya dapat bersaing dengan jayanya dengan banyak negara lain termasuk di negara-negara maju berdasarkan *Index Sustainable Urbanisation*. Matlamat saya ialah Pelan Tempatan Kuala Lumpur dapat diluluskan dalam masa yang terdekat.

Tanpa Pelan Tempatan yang terkini, kemas dan dipercayai oleh rakyat, amat sukar sekali untuk pihak DBKL melaksanakan tugas-tugas kita untuk menjayakan visi Perdana Menteri.

12.0 Selain itu, Perdana Menteri ada berpesan agar kita selalu menambah-baik mutu perkhidmatan kita. Dalam sistem ekonomi yang kian dicorak oleh teknologi digital dan kemunculan AI, semua bandar di Malaysia mesti bersifat proaktif bagi memastikan masa depan yang cerah untuk anak-anak muda serta generasi yang bakal lahir nanti. Dari perspektif perbandaran, kita juga harus memastikan bahawa kita mula membina bandar yang berdaya tahan (*resilient*), berdaya saing (*competitive*) dan berdaya huni (*liveable*).

13.0 Saya ingin memetik lagi ucapan Perdana Menteri semasa beliau berucap di ASEAN+China Ministerial Conference baru-baru ini. Beliau menyatakan bahawa kita mesti memastikan bahawa bandar-bandar di Malaysia ini bukan bandar yang berbeza darjat. Janganlah dibenarkan jurang ekonomi dan sosial memisahkan sesama warga kota sepertimana kiasan dalam Bahasa Inggeris: “*Same planet different worlds*”.

14.0 Bagi memastikan jurang ekonomi tidak terus melebar, kita mesti mestilah komited berkerjasama dalam tiga aspek perbandaran, iaitu isu **perumahan, pekerjaan dan mobiliti**. Bagi saya, keutamaan saya berpaksi pada lima aspek utama:

Pertama: Memastikan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengamalkan konsep CATEE, iaitu *Compentent, Accountable, Transparent, Effective and Efficient Governance* melalui *Governance Reform*

Kedua: Memastikan pelaksanaan penaiktarafan perumahan awam dan program perumahan rakyat (PA/PPR) di Kuala Lumpur serta penambahan rumah mampu milik dan ruang niaga mampu milik dan lestari bagi mengurangkan jurang so-sioekonomi Bandar Raya Kuala Lumpur dan menarik minat serta keupayaan penduduk untuk tinggal di Bandar Raya Kuala Lumpur.

Ketiga: Memastikan Kuala Lumpur muncul sebagai Bandar Raya Neutral Karbon melalui amalan *plan-led development* (*bukan urban sprawl*), konservasi taman dan polisi *Zero Waste Dan 4R Rethink, Reduce, reuse, recycle* – *berapa org mengamalkan recycling Dan composting disini , sila angkat tangan.*

Keempat: Memastikan Kuala Lumpur muncul sebagai Bandar Raya Budaya dan Kreatif melalui penaiktarafan ruang awam (*public spaces*) dan perkhidmatan asas (*basic services*) dimulai dengan kawasan Kuala Lumpur Cultural & Creative District.

Kelima: Memberi imej baharu untuk Kuala Lumpur sebagai *Global, Resilient and Sustainable City* yang inklusif dan berdaya huni.

15.0 Tanpa rumah mampu milik dan berdaya huni, jurang antara penghuni kota tidak akan dapat dirapatkan. Lebih kurang 47% perumahan awam di Malaysia adalah di Kuala Lumpur. Kita mesti melaksanakan tanggungjawab kita dengan memastikan semua perumahan awam dibawah jagaan kita berdaya huni. Hal ini bermakna bukan sahaja membaiki dan fokus pada isu-isu fizikal sahaja, tetapi memberikan tumpuan juga pada pembangunan komuniti bagi penduduk PA/PPR itu sendiri dan juga menerapkan kemahiran pengurusan dalam kalangan penduduk sebagai persediaan penyerahan tanggungjawab selepas penubuhan JMB/MC. Dalam kata lain, penjenamaan semula (*rebranding*) PA/PPR adalah sangat penting bagi memupuk rasa *sense of belonging* dalam kalangan penghuni di PA/PPR. Sasaran saya agar Jabatan bertanggungjawab berjaya memastikan tunggakan sewa di PA/PPR dan kadar kerosakan dapat dikurangkan sebanyak 50% dalam masa terdekat sebagai pemangkin dalam agenda pembaharuan kita.

16.0 Saya amat percaya pada konsep *Zero Waste* demi kelestarian alam sekitar. Kerjasama berorientasikan **4P, iaitu (*Public-People-Private-Partnership*)** adalah sangat

penting bagi memastikan aspirasi ini berjaya. Saya amat prihatin dengan masa depan orang muda kita, terutamanya mereka yang ketinggalan dalam arus pembangunan perbandaran. Oleh itu, amat penting sekali untuk kita melentur buluh daripada rebungnya dengan membawa anjakan paradigma baharu dalam pemikiran generasi muda di negara kita. Saya mahu kita mengukuhkan lagi perhubungan DBKL dengan kumpulan C40 dan juga ICLEI untuk memastikan segala aktiviti DBKL berlandaskan '*Green and Sustainable Development*'. Hal ini termasuk juga polisi serta pelan tindakan untuk memastikan setiap lapisan masyarakat ada tempatnya di Kuala Lumpur termasuk juga golongan penjaja (*hawkers*), berkerja dalam *Gig economy* seperti penghantar makanan (*rider*) dan pemandu e-hailing. Tidak ketinggalan juga golongan gelandangan yang kita mesti cuba lihat isu ini daripada akar umbi.

17.0 Seterusnya mengenai pengangkutan awam. Secara puratanya, rakyat Malaysia akan membelanjakan lebih kurang 40% peratus pendapatannya untuk menampung pinjaman kenderaan. Dalam konteks bandar raya pula, penggunaan kenderaan persendirian yang tidak terkawal memaksa kerajaan serta DBKL untuk melabur untuk membina lebih banyak infrastruktur bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas. Malaysia hilang kira-kira RM20 billion setiap tahun kerana kos melepasi (*opportunity cost*) akibat gejala kesesakan lalu lintas.¹ Sekali-lagi, jika kita tidak menyelesaikan isu mobiliti ini, kita tidak akan dapat mengurangkan jurang antara penghuni di bandar raya kita. Sebagai permulaan, Kuala Lumpur telah mula mengambil langkah proaktif bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas dengan memperkenalkan penggunaan bas percuma, iaitu Bas GOKL yang menghubungkan Pusat Bandar Kuala Lumpur dengan Kawasan berkepadatan penduduk yang tinggi. Tetapi tanpa ruang awam yang bersih, indah, lengkap dan selamat, selagi itulah orang ramai terpaksa menggunakan kenderaan persendirian bila berkerja di Kuala Lumpur.

¹ <https://thesun.my/opinion-news/reduce-traffic-congestion-MH12261296>

Hadirin yang dihormati,

18.0 Sebahagian daripada pembaharuan Kuala Lumpur adalah untuk membangun semula tempat-tempat strategik seperti tapak warisan atau bangunan bersejarah. Seperitimana yang telah diperhalusi oleh Perdana Menteri: “Bangunan Sultan Abdul Samad dan persekitarannya selaras dengan Pelan Induk Strategik Daerah Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur supaya **memanfaatkan warisan sejarahnya untuk mewujudkan tarikan pelancongan moden.**”

19.0 Untuk makluman YBhg. Datuk/tuan/puan, saya pernah berkhidmat sebagai Pengurus Besar pertama Tapak Warisan Dunia George Town di Pulau Pinang. Saya dapat melihat bagaimana ekonomi baharu serta aktiviti-aktiviti kebudayaan memberi nafas baharu kepada George Town. Jenama baru George Town ialah “*From Ghost Town to Great Town*”. Pada tahun lalu, Invest Penang dapat menarik sebanyak RM72 billion untuk memperkasakan ekonomi Pulau Pinang.² Salah satu tarikan untuk *capital*, *talent* dan *visitors* ialah tapak warisan dunia George Town serta UNESCO Biosphere di Bukit Bendera.

20.0 Saya mahu jentera DBKL sentiasa memastikan program rejuvenasi perbandaran ini ditingkatkan di semua kawasan yang telah dikenal pasti dalam Pelan Struktur DBKL. Kita mesti telus dan konsisten dengan Pelan Struktur DBKL dan melaksanakan pembangunan mampan yang mesra rakyat. Seperti saya kata tadi, kita mesti berpaksi kepada konsep 4P: *Public, Private and People Partnership*. Saya sengaja menambah satu lagi P iaitu *People* atau Rakyat kerana tanpa aktivis serta organisasi bukan kerajaan (NGO), kita tidak akan mendapat gambaran yang komprehensif semasa menjalankan tugas-tugas kita. Mereka merupakan salah satu sumber maklumat kepada kita dalam sehari-hari kita melaksanakan tugas.

² <https://thesun.my/local-news/penang-records-country-s-highest-investment-inflow-in-2023-OA12219135>

Hadirin yang dihormati sekalian,

21. Saya ingin berkongsi cerita kejayaan yang telah diraih oleh DBKL sepanjang minggu lalu. Yang pertama ialah Anugerah sempena Floria 2024 di Putrajaya. Kita berjaya meraih 6 anugerah, iaitu:

- i. Anugerah Keseluruhan Floria Garden Prime Award (Gold Award)
- ii. Floria Garden Award (Government) Award (Gold Award)
- iii. Floria Garden Starlight Award (Government)
- iv. Floria Most People's Choice Award – Community Garden
- v. Laman Ceria – Best Booth Award (Community Garden)
- vi. Laman Kreatif – Best Booth Award (Community Garden)

22. Tahniah diucapkan kepada Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi atas jerih payah mengekal kejuaraan saban tahun. Seterusnya, DBKL juga telah dinobatkan sebagai johan dalam Kejohanan MAKSWIP Tahun 2024 bagi acara Bola Sepak, Bola Jaring dan Badminton. Di samping itu, DBKL juga telah menjadi johan bagi Kejohanan MAKSWIP (Liga Penjawat Awam) dan Piala Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pekan Bandar Diraja 2024 bagi acara Tenpin Bowling. Tahniah dan terima kasih semua kerana mengharumkan nama DBKL.

Hadirin yang dihormati,

23. Perhimpunan DBKL akan diadakan pada setiap bulan mulai bulan September 2024. Tidak seperti tahun-tahun yang lalu, DBKL lazimnya mengadakan perhimpunan dengan pegawai dan kakitangan pada setiap dua (2) bulan sekali. Saya mahu menjadikan perhimpunan bulanan sebagai wadah kepada Pengurusan DBKL untuk menyampaikan dasar atau maklumat terbaharu dari YAB Perdana Menteri dan YB Menteri di Jabatan

Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan). Selain itu, isu-isu pengurusan dan pentadbiran dalaman DBKL juga akan diperjelas supaya lebih difahami dengan jelas oleh pegawai dan kakitangan DBKL.

Hadirin yang dihormati,

24. Saya mahu setiap kakitangan DBKL, terutamanya kumpulan Pengurusan dan Profesional menjadi individu yang seimbang dari segi pembangunan **kecerdasan minda (IQ), kecerdasan emosi (EQ) dan kecerdasan sosial (SQ)**. Kita mestilah sentiasa melengkapkan diri dengan pelbagai disiplin ilmu pengetahuan dan kemahiran yang relevan merangkumi kedua-dua turus ilmu, iaitu *explicit* dan *tacit*. ***Explicit knowledge*** ialah pengetahuan yang boleh dipelajari secara formal manakala ***tacit knowledge*** diperoleh melalui pengalaman dan kemahiran. Penguasaan kedua-dua jurus ilmu berkecenderungan akan dapat membantu kita untuk menjadi seorang pemikir (***thinkers***), **perancang (*planners*) dan pelaksana (*implementers*)** yang sentiasa komited untuk menerapkan **budaya kesegeraan** atau ***sense of urgency*** dan mengamalkan ***no wrong door policy*** dalam perkhidmatan di semua peringkat. **Ketangkasan bertindak dan kecepatan membuat keputusan** merupakan penentu kelangsungan kecemerlangan.

Hadirin yang dihormati,

25.0 Akhir kata, saya mengambil peluang sekali lagi untuk memohon sokongan dan kerjasama serta tunjuk-ajar daripada rakan-rakan seperjuangan yang hadir pada hari ini. Cadangan yang positif amat digalakan. Saya akan mengambil-kira cadangan saudara dan saudari sekalian sebagai intipati kepada Pelan Tindakan 100 Hari di DBKL yang akan dikemukakan kepada Perdana Menteri selepas 100 Hari pertama saya berkhidmat di DBKL. Sekali lagi, saya menyeru supaya kita berganding bahu untuk menjayakan visi Perdana Menteri demi mewujudkan Bandar Raya Kuala Lumpur yang bardaya huni dan inklusif sebagai warta baru: "*Malaysia is Back*".

26. Dikesempatan ini juga, ingin saya mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan ke-67 dan Selamat Hari Malaysia yang bakal disambut pada 16 September 2024 akan datang kepada semua warga kerja DBKL. Saya tutup amanat hari ini dengan kata-kata hikmah daripada Jalaluddin Muhammad Rumi, seorang sarjana Parsi, ***“Yesterday I was so clever, so I wanted to change the world. Today I am wise, so I am changing myself”***.

Sekian terima kasih!

Diselaraskan oleh:
Urus Setia Perhimpunan DBKL
Jabatan Pentadbiran
4 September 2024

